



UPM Juara L' Oreal Brandstorm



Team Patior dari UPM yang terdiri daripada Lim Sze Looi (kiri), Liew Jan Yang William (tengah), dan Lim Chin Han Brandon (kanan) bangga dengan kejayaan yang diperolehi.

KUALA LUMPUR, 14 Mei – Dua kumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara dan ketiga pertandingan L'Oréal Brandstorm di sini semalam.

Penasihat kumpulan UPM, Dr. Tee Keng Kok dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan berkata kumpulan UPM yang menjadi juara tersebut dianggotai oleh Lim Sze Looi, pelajar Bacelor Perakaunan, Liew Jan Yang William (Bacelor Perakaunan) dan Lim Chin Han Brandon (Bacelor Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan).

Kemenangan UPM adalah hasil dari pembentangan mereka yang berkesan dalam menarik perhatian orang ramai membeli produk wangian Maybelline New York di mana rekabentuk saiz botol yang lebih kecil dari maskara menjadi pilihan para juri untuk memilih mereka sebagai juara.



Antara faktor kejayaan Team Patior adalah kesungguhan dan keyakinan ketika menyampaikan pembentangan mereka.

"Mereka memenangi hadiah wang tunai dan bawcer pelancongan bernilai RM 10,000 dan tiket penerbangan ke Paris bagi mewakili Malaysia ke pertandingan L'Oréal Brandstorm peringkat antarabangsa pada 29 Jun 2009 depan," katanya.

Beliau berkata UPM yang menghantar dua kumpulan turut mendapat tempat ketiga melalui kumpulan yang disertai pelajar Fakulti Kejuruteraan iaitu Ch'ng Liang Wei, Tee Li Teng, Tan Yong Woi dengan mendapat hadiah wang tunai dan pelancongan berjumlah RM4,000.

Sebanyak lima institusi pengajian tinggi memasuki peringkat akhir L'oreal Brandstorm yang turut disertai oleh 47 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh Malaysia.

Tempat kedua dimenangi oleh Universiti Nottingham, keempat Universiti Malaya dan kelima Universiti Teknologi Malaysia.

Pertandingan itu diadakan bagi menyerlahkan daya kreativiti, inovatif dan idea pelajar dengan membina strategi pemasaran baru dan pemasaran produk berkesan.

Setiap kumpulan perlu merekabentuk kaedah promosi yang boleh menarik orang ramai untuk membeli produk kumpulan masing-masing.



Kumpulan Patior (kiri) dan Elements (kanan) yang mewakili UPM bergambar bersama penasihat mereka selepas meraikan johan dan tempat ketiga pada pertunjukkan L'oreal Brandstorm 2009 baru-baru ini.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.